

Jumlah mangsa dipindah

57,477
Johor

7,103
Melaka

1,960
Pahang

594
Kelantan

470
Negeri Sembilan

250
Terengganu



HAMPIR TENGGELAM: Kawasan perumahan Taman Angkasa Nuri di Melaka terjejas teruk. ● LAGI BERITA DAN GAMBAR DI MUKA 2, 4, 5, 7, DAN 8

Banjir ragut lima nyawa

PM arah semua agensi kerajaan salur bantuan segera kepada mangsa

KUALA LUMPUR: Banjir di Johor yang terburuk dalam 100 tahun, meragut lima nyawa manakala dua lagi negeri – Kelantan dan Terengganu mula dinaiki air semalam, menjadikan enam negeri dilanda bencana itu yang menyebabkan lebih 60,000 orang dipindahkan. Keadaan banjir di Melaka dan Pahang juga dilaporkan bertambah buruk, tetapi Negeri Sembilan semakin pulih.

Di **JOHOR**, 54,477 mangsa dipindahkan ke 285 pusat pemindahan dan negeri itu turut berhadapan krisis bekalan elektrik dan air apabila 15 loji rawatan mengalami gangguan manakala 270 pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) terpaksa ditutup.

Kota Tinggi pula terputus hubu-

ngan darat dengan kawasan lain apabila semua jalan utama ke bandar itu ditenggelami air dan ditutup kepada semua kenderaan. Semua premis perniagaan di bandar itu turut ditutup.


Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kini bercuti di luar negara, melahirkan rasa sedih dan mahu semua agensi kerajaan pada peringkat negeri dan Pusat memberi kerjasama terbaik serta menyalurkan bantuan segera bagi meringankan penderitaan mangsa banjir berkenaan.

Perkara itu disampaikan Perdana Menteri ketika menghubungi Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak, malam kelmarin.

Najib yang ditemui selepas meninjau kawasan banjir di Kota Tinggi,

FAKTA

Jalan ditutup



- Jalan Tangkak-Segamat, kawasan Jementah dinaiki air terutama berhampiran jalan masuk ke Universiti Teknologi Mara (UTM) Segamat.
- Semua jalan ke bandar Segamat juga tidak dapat dilalui.
- Jalan Segamat menuju Gemas.
- Jalan menuju pekan Chaah berikutan jambatan runtuh.
- Jalan Gemencheh ke Gemas.
- Jalan Gemas ke kampung Londah.
- Jalan Tangkak ke Labis.
- Kilometer 173.1 hingga 173.2 Lebuhraya Utara Selatan (Plus).
- Melaka Tengah: Jalan Peringkat ke Lapangan Terbang Batu Berendam; Seri Aman-Pengkalan Batu; Kampung Sungai Nibong-Sungai Putat; Jalan Tun Fatimah; Taman Merdeka dan Jalan Datuk Md Zain, berhampiran Pasar Borong Melaka Tengah.
- Malim: Jalan Cheng Ria, Bulatan Malim, Jalan IKS, Jalan Abadi dan Jalan Maju Jaya di Malim Jaya.
- Alor Gajah: Simpang Empat Jalan Taman Angkasa Nuri; Jalan Kampung Beringin, Krubong; Jalan Mardec-Durian Tunggal dan Batu 21, Tebong.
- Jasim: Jalan Janda Berhias, jambatan Sungai Dua, Asahan; Kampung Lanchang, Merlimau; Jalan Parit Putat-Benteng; Jalan Pengkalan Badak dan Pekan Batu Gajah, Sungai Rambai.



BANTUAN SEGERA: Anggota tentera mendukung seorang warga emas, Paiman Elias, 60 dalam operasi menyelamatkan di Kota Tinggi.

AHMAD OTHMAN | BERITA HARIAN